

10/04/2000

Hentikan kempen: Dr M (HL)

Kadir Dikoh

KUALA LUMPUR, Ahad - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu semua calon pelbagai jawatan bagi pemilihan Umno 11 Mei ini serta ejen-ejen mereka, menghentikan kempen kerana keputusan pencalonan sudah pun diketahui.

Presiden Umno itu juga mengingatkan calon supaya tidak sekali-kali menggunakan wang bagi membeli undi perwakilan menjelang pemilihan parti bulan depan.

"Saya berpendapat mereka perlu duduk di rumah dan tidak lagi berkempen," katanya kepada pemberita selepas meninjau kemampuan sebuah hovercraft di The Mines Resort di Seri Kembangan, dekat sini hari ini.

Beliau diminta mengulas mengenai mesyuarat perwakilan bahagian Umno yang hampir selesai dan nasihatnya kepada calon-calon yang sudah layak bertanding pelbagai jawatan melalui pencalonan bahagian sejak 2 Mac lalu.

Mengenai politik wang, Dr Mahathir berharap dalam pertandingan kali ini, tiada siapa menggunakan wang untuk mempengaruhi perwakilan mengundi mereka menjelang pemilihan nanti.

"Tidak harus ada sesiapa pun menggunakan wang," katanya.

Majlis Tertinggi (MT) Umno dalam mesyuaratnya 4 Februari lalu meluluskan kod etika perilaku pemilihan yang antara lain mencadangkan supaya calon yang dikesan menggunakan wang untuk mempengaruhi undi, akan hilang kelayakan bertanding.

Khamis lalu, Naib Presiden Umno, Datuk Seri Abdullah Badawi berkata calon-calon yang menggunakan wang untuk meraih sokongan akan hilang kelayakan bertanding manakala mereka yang dipilih dan kemudiannya terbukti melakukan kesalahan itu, boleh digugurkan daripada jawatan berkenaan.

Umno pernah mengadakan perhimpunan khas pada 1994 bagi menangani politik wang apabila meminda perlembagaan dengan memuatkan fasal kecil baru 18.7, memperuntukkan larangan penyalahgunaan kuasa, kedudukan dan wang untuk mendapat undi serta sokongan atau untuk mempengaruhi mana-mana pemilihan bagi pihak sendiri atau bagi pihak lain atau supaya jangan mengundi mana-mana calon atau orang dalam mana-mana pemilihan parti.

Langkah itu dibuat kerana politik wang tiba pada peringkat paling teruk menjelang pemilihan 1993. Fenomena politik wang mula dikesan apabila beberapa pihak mendakwa lebih RM20 juta dibelanjakan bagi tujuan pertandingan pada 1984. Bagaimanapun, gejala itu ternyata sukar dibanteras malah semakin berleluasa pada 1987 dan dikatakan berlaku hampir di semua peringkat pemilihan pada 1990 dan 1993.

Isu politik wang timbul lagi menjelang pemilihan pelbagai jawatan dalam Umno 11 Mei ini apabila ada dakwaan kononnya calon-calon tertentu memberi habuan RM30,000 hingga RM50,000 bagi setiap bahagian yang mencalonkannya.

Malah, perwakilan yang bakal berhimpun di Kuala Lumpur awal bulan depan dikatakan sudah mula "mengutip tol" (menagih ganjaran) daripada calon mereka yang sudah melayakkan diri bertanding jawatan MT.

Dr Mahathir dan Abdullah sudah memenangi jawatan presiden dan timbalan presiden tanpa bertanding setelah Tengku Razaleigh Hamzah, satu-satunya nama yang dicalonkan untuk kedua-dua jawatan itu tidak melepasi had layak bertanding kerana tidak mendapat bilangan pencalonan mencukupi.

(END)